

"Saya melihat pengisian perhimpunan bulanan ini dengan ucapan daripada Naib Canselor diikuti dengan senam robik dan jamuan khusus kepada warga Kolej UUM CAS menunjukkan kemesraan antara mereka,"katanya.

Bagi beberapa kakitangan akademik, persatuan dan kakitangan pentadbiran yang ditemui pula mengalu-alukan hasrat Naib Canselor untuk mendengar pandangan daripada kakitangan univesiti dan mengasingkan perhimpunan bulanan seperti yang dinyatakan.

Setiausaha Persatuan Staf Akademik Universiti Utara Malaysia (PERSATU), Prof. Madya Dr. Fuziah Shaffie, berkata, pengasingan perhimpunan bulanan antara kolej dan pentadbiran ini dilihat amat baik kerana sesuatu isu, cadangan, pandangan dan permasalahan boleh disampaikan secara jelas dan khusus.

Manakala hasrat Naib Canselor yang mengambil pendekatan untuk mendengar pandangan daripada kakitangan amatlah baik dan berharap ini menjadi landasan untuk mengeratkan lagi hubungan dengan Jawatankuasa Pengurusan universiti.

Dekan Pembangunan Pelajar dan Keusahawanan, Prof. Madya Dr. Engku Muhammad Nazri Engku Abu Bakar yang ditemui pula berkata, pendekatan melalui perhimpunan mengikut kolej dan acara senam robik yang diadakan selepas ucapan Naib Canselor ini dapat merapatkan lagi hubungan antara kakitangan dikolej itu.

"Perhimpunan yang diadakan ini juga dilihat amat baik kerana tumpuan dalam menyampaikan maklumat dapat disampaikan terus kepada golongan sasaran,"ujarnya.

Bagi Presiden Persatuan Pegawai Tadbir dan Ikhtisas (PERPATI) Abu Bakar Mat Safar yang juga kakitangan Kolej UUM CAS pula perhimpunan seperti ini dilihat dapat mengeratkan lagi hubungan antara kakitangan dikolej berkenaan.

"Kami melihat penyertaan dikalangan kakitangan juga bertambah berbanding dengan perhimpunan yang diadakan bagi semua kakitangan sebelum ini,"katanya.

Habis.

=====

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT